

Bincang kembalikan penerbangan terus Malaysia-Bahrain

MANAMA - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, rancangan untuk mengembalikan penerbangan terus antara Malaysia dan Bahrain sedang dibincang.

Beliau berkata, perkara berkenaan dibincangkan ketika majlis sambutan rasmi dan pertemuan dengan Putera Mahkota dan Perdana Menteri Bahrain, Salman bin Hamad Al Khalifa di Istana Gudaibiya di sini.

“Potensi di sini ada, nanti kita (Malaysia) minta Gulf Air supaya ada penerbangan terus. Memang Putera Mahkota sebut, minta kita beri perhatian supaya ada perhubungan pesawat lebih kerap.

“Sama ada MAS atau syarikat penerbangan lain, ini kita sedang perhatikan,” kata beliau dalam sesi soal jawab semasa pertemuan dengan diaspora Malaysia pada majlis makan malam.

Seramai 297 rakyat Malaysia tinggal di Bahrain, termasuk tiga pelajar yang sedang melanjutkan pengajian tinggi.

Anwar berkata, Putera Mahkota turut memberi bayangan bersetuju untuk melawat Kuala Lumpur pada Mei depan bagi Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dan Sidang Kemuncak ASEAN-GCC China selepas beliau menyampaikan undangan pada kunjungan hormat itu.

“PM Bahrain (Putera Mahkota) beritahu saya kemungkinan besar akan ke KL (Kuala Lumpur) Mei ini untuk ASEAN-GCC, jadi GCC keseluruhannya itu merupakan kawasan penting untuk Malaysia dan ASEAN.

“Kita akan tingkatkan kerjasama dalam semua bidang, pendidikan, AI (kecerdasan buatan), pelancongan, ekonomi, pelaburan, kewangan, perbankan Islam dan halal,” kata Anwar.

.Bernama